



كامر كتوا حاكم شرعي محكمه شرعيه نكري ملاك

**KAMAR KETUA HAKIM SYARIE
MAHKAMAH SYARIAH NEGERI MELAKA**

KOMPLEKS MAHKAMAH SYARIAH,
JALAN AYER KEROH LAMA,
HANG TUAH JAYA,
75450 AYER KEROH, MELAKA

Tel. Pejabat : 06 - 233 2050
Sambungan : 3501
Fax : 06-2311275
Laman Web : <http://www.mahsyariahmelaka.gov.my>

Ruj.Kami : MSNM 100-1/6/3()

Tarikh : 11 Februari 2016

Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi Syariah,
Tuan Ketua Pendaftar,
Tuan/Puan Hakim Mahkamah Rendah Syariah,
Tuan/Puan Pegawai Mahkamah Syariah,
Tuan/Puan Peguam Syarie,
Pihak-pihak yang berurusan di Mahkamah Syariah,

Yang Arif / Tuan / Puan,

ARAHAN KETUA HAKIM SYARIE NEGERI MELAKA BIL.3 TAHUN 2016

Pengesahan Lafaz Cerai Berta'liq Yang Diputuskan Sah Tetapi Belum Berlaku Pelanggaran Ta'liq

Saya ingin menarik perhatian Yang Arif / Tuan / Puan kepada keputusan Muzakarah Hakim Syarie Mahkamah Syariah Negeri Melaka Bil.3 tahun 2015 pada 4 hingga 6 November 2015 di Hotel Flamingo By The Lake, Ampang, Kuala Lumpur telah bersetuju memutuskan bahawa;

1. Mahkamah hendaklah memutuskan status lafaz cerai berta'liq dari segi keesahan dan kuatkuasa lafaz cerai tersebut dengan menyatakan di dalam keputusan / penghakiman yang dibacakan di hadapan pihak-pihak.
2. Sekiranya lafaz cerai berta'liq adalah sah dan masih berkuatkuasa, sedangkan masih belum berlaku pelanggaran terhadap lafaz ta'liq tersebut, maka Mahkamah yang mendengar dan memutuskan kes hendaklah memaklumkan / memberi peringatan kepada pihak-pihak kesan pelanggaran terhadap lafaz berkenaan.

Arahan ini berkuatkuasa serta merta.

Sekian, terima kasih.

"SYARIAH ASAS KEADILAN"

Saya yang menurut perintah,

(DATUK HJ MOHD RADZI BIN HJ ABD LATIF)

Ketua Hakim Syarie
Mahkamah Syariah Negeri Melaka